

MAHATHIR - ISLAM

(1)

1984  
OLEH AHMAD REJAL ARBEE  
TRIPOLI, 10 DIS. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM TADI MENYERU NEGARA-NEGARA ISLAM SUPAYA BERSUNGGUH-SUNGGUH MEMULAKAN USAHA Mencari JALAN MENGUKUHKAN PERPADUAN MEREKA.

SEMASA BERUCAP DALAM MAJLIS MAKAN MALAM MERAIKAN BELIAU YANG DIBERIKAN OLEH RAKYAT SEJAWATANNYA DI JAMAHARIYAH LIBYA, ENCIK ABDUSSALAM JALLOUDDISINI, BELIAU BERKATA BAHAWA KEPENTINGAN UMAT ISLAM MESTILAH DIPERTAHANKAN.

SEMUA NEGARA ISLAM HENDAKLAH MENYELIDIKI DIRI SENDIRI UNTUK BERUSAHA MENGUKUHKAN HUBUNGAN PERSAHABATAN DAN PERPADUAN DI KALANGAN MEREKA YANG KADANGKALA LEMAH.

BELIAU BERKATA BAHAWA DI KALANGAN UMAT ISLAM SENDIRI TELAH WUJUD SEBUAH PERTUBUHAN YANG SANGAT PENTING DAN BERKESAN, PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM.

+KITA HENDAKLAH MENGGUNAKAN SEPENUHNYA PELUANG YANG BEGITU BANYAK UNTUK MENGADAKAN TINDAKAN SECARA BEKERJASAMA DAN BERSEPADU YANG MAMPU DILAKUKAN OLEH PERTUBUHAN ITU, +KATANYA.

BELIAU BERKATA PERANG YANG BERTERUSAN ANTARA IRAN DENGAN IRAQ MENJEJASKAN PERPADUAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM.

DENGAN ITU AMATLAH PENTING PEPERANGAN ITU DITAMATKAN, BUKAN SAHAJA BAGI KEPENTINGAN RAKYAT DI KEDUA-DUA NEGARA TETAPI BAGI KEPENTINGAN KEAMANAN DI RANTAU ITU DAN DI SELURUH DUNIA. --LAGI.  
1607MST 10 12 84

C.

0250

U B764 AAB

MAHATHIR - ISLAM 2 TRIPOLI

(1)

MALAYSIA YANG TURUT MERASA BIMBANG TERHADAP PERANG YANG BERLANJUTAN ITU BERAZAM, SEBAGAI ANGGOTA JAWATANKUASA DAMAI PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM, UNTUK BERUSAHA BERSAMA-SAMA ANGGOTA-ANGGOTA LAIN KE ARAH MENCAPAI PENYELESAIAN YANG BERKEKALAN DAN AMAN BAGI MASALAH ITU.

MALAYSIA DAN LIBYA SEBAGAI ANGGOTA PERTUBUHAN ITU YANG AKTIF, BERSAMA-SAMA BERAZAM DAN BERKEWAJIPAN UNTUK MEMASTIKAN UMAT ISLAM MENJADI SUATU TENAGA DINAMIK UNTUK KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN ROHANI DAN JASMANI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ISU PALESTIN YANG MASIH BELUM SELESAI ITU JUGA MERUPAKAN SATU LAGI ISU YANG MEMBIMBANGKAN UMAT ISLAM.

TINDAKAN-TINDAKAN PENCEREBUHAN SECARA TIDAK BERMARUAH YANG BERULANGKALI DILAKUKAN OLEH ISRAEL TERHADAP RAKYAT PALESTIN DAN NEGARA-NEGARA ARAB MENGANCAM BUKAN SAHAJA RAKYAT YANG BERNI ITU TETAPI MUNGKIN MEMBAWA DUNIA KE ARAH PERTELINGKAHAN YANG LEBIH BESAR.

MALAYSIA YAKIN BAHAWA KEAMANAN YANG SAKSAMA DAN BERKEKALAN DI RANTAU ITU HANYA BOLEH DIWUJUDKAN BERASASKAN KEPADA PENGEMBALIAN HAK-HAK RAKYAT PALESTIN TERMASUK HAK UNTUK MEWUJUDKAN NEGARA MEREKA SENDIRI YANG MERDEKA DAN BERDAULAT DI BAWAH PIMPINAN PERTUBUHAN PEMEBASAN PALESTIN (PLO), PENGUNOURAN SEPENUHNYA ISRAEL DARISEMUA KAWASAN YANG DIDUDUKINYA DAN PENYERAHAN KEMBALI TANPA SYARAT BAITUL MUQADDIS KEPADA PALESTIN.

BELIAU BERKATA MALAYSIA JUGA MENGECEM CAMPURTANGAN ASING DI AFGHANISTAN DAN MENYOKONG RESOLUSI-RESOLUSI PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM, PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI DAN BANGSA-BANGSA BERSATU BAGI MENGEMBALIKAN KEMERDEKAAN DAN KEDAULATAN AFGHANISTAN YANG BERCORAK TRI AM DAN BERKECUALI.

MALAYSIA JUGA TIDAK DAPAT MENERIMA CAMPURTANGAN KETENTERAAN ASING DI KAMPUCHEA YANG MERUPAKAN ANCAMAN SERIUS TERHADAP KEAMINAN DAN KESTABILAN DI ASIA TENGGARA DAN MENJADI BATU PANGHALANG KEPADA PENCAPAIAN HASRAT MEWUJUDKAN ZON AMAN, BEBAS DAN BERKUALITI DIRANTAU ITU.

MENGENAI HUBUNGAN MALAYSIA - KAMAHIRIYAH LIBYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEDUA-DUA NEGARA SEJAK BERTAHUN-TAHUN LALU TELAH MENYUSUN RANGKA YANG DIPERLUKAN UNTUK MEWUJUDKAN KERJASAMA YANG BERKEKALAN DAN PERTUKARAN LAWATAN YANG KERAP.

+SAYAKIN LAWATAN SAYA SEKARANG DAN PERBINCANGAN-PERBINCANGAN YANG BERFAEDAH YANG TELAH KITA ADAKAN MENGENAI PELBACAI ISUAKAN MEMBERI SUMBANGAN BAGI MENGAJAKAN PERSEFAHAMAN YANG LEBIH BAIK DAN HUBUNGAN YANG LEBIH RAPAT, + KATANYA.

BELIAU TERTARIK HATI DENGAN KEMAJUAN SOSIO-EKONOMI YANG DICAPAI OLEH LIBYA DAN SEPERTIS JUGA LIBYA, MALAYSIA TERPAKSA JUGA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH YANG BERANI UNTUK MENGUBAH PANDANGANNYA DAN Mencari cara dan teknik baru secara agresif.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP LIBYA AKAN MEMBERI PERTIMBANGAN YANG BAIK KEPADA MALAYSIA SEBAGAI PUSAT PELABURAN YANG MENARIH DAN MENUNTUNGAN DI TENGAH-TENGAH KAWASAN YANG PALING PESAT BERKEMBANG DI DUNIA.

BELIAU JUGA MENYATAKAN PENGHARGAANNYA KEPADA BANTUAN LIBYA DALAM PELBAGAI PROJEK KEAGAMAAN DI MALAYSIA.

KERAJAAN MALAYSIA TELAH BERUSAHA MENINGKATKAN PEMBANGUNAN. KEROHANIAN MELALUI ISLAM KERANA KERAJAAN SEDAR BAHAWA KEKAYAAN DARI SEGI KEBENDAAN SEMATA-MATA TIDAK MENJAMIN KEAMANAN DAN KEBAHAGIAAN.

SEMENTARA ITU ENCIK JALLOUD BERKATA BAHAWA LAWATAN DATUK SERI DR. MAHATHIR ITU TELAH MENGUKUHKAN LAGI HUBUNGAN YANG SEDIA ADA ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

LAWATAN ITU TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA MEREKA BERBINCANG MENGENAI HAL-HAL KEPENTINGAN DUA HALA DI SAMPING ISU-ISU SERANTAU DAN ANTARABANGSA.

-- LAGI.

1440MST 10 12 84

D268

U 8766 A A B

MAHATHIR - ISLAM 5 TRIPOLI

(1)

PAGI INI DATUK SERI DR. MAHATHIR MELAWAT KILANG TAYAR A M M A N YANG BARU DITUBUHKAN DI TAJOURA DI SINI.

LIBYA TELAH BERSETUJUDALAM MESYUARAT JAWATANKUASA BERSAMA MEMBELI 4,130 TAN METRIK GETAH MUTU MALAYSIA (SMR) DARI MARDEC BERNILAI 410.5 JUTA DALAM TEMPOH DUA TAHUN UNTUK KEGUNAAN KILANG ITU.

SELEPAS ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR MELAWAT KILANG PEMASANGAN TRAKTOR YANG BERDEKATAN. -- BERNAMA.

1650MST 10 12 84